

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.01.2026 MASA: 5.00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN KEPALA BATAS *FESTIVAL*

TARIKH / MASA / TEMPAT
31 JANUARI 2026 (SABTU)
6.20 PETANG

PASAR AWAM KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato'Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid
Datuk Bandar Seberang Perai**

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman
Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap Penyelaras
Perasmian Kepala Batas Festival 2026**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang amat bermakna, penuh warna-warni dan sarat nilai warisan, iaitu **Majlis Perasmian Kepala Batas Festival**. Kehadiran kita pada petang ini bukan sekadar untuk menyaksikan sebuah *festival*, tetapi untuk **meraikan jiwa sebuah pekan**, menghidupkan denyut nadinya, serta mengangkat Kepala Batas sebagai ruang budaya yang hidup, dinamik dan beridentiti.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **Encik Zainuddin bin Mohamed dan Encik Ooi Yong Wooi**, selaku **WHIP Ahli Majlis MBSP merangkap Penyelaras Bersama Kepala Batas Festival**, atas komitmen, dedikasi dan kepimpinan yang telah ditunjukkan dalam menjayakan penganjuran *festival* ini.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua yang hadir pada petang ini, khususnya wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan; rakan-rakan strategik; rakan-rakan media; para penggiat seni dan budaya tempatan serta antarabangsa; warga kerja Majlis

Bandaraya Seberang Perai (MBSP); dan seluruh komuniti setempat yang bersama-sama turun padang bagi menzahirkan **semangat kebersamaan dan tanggungjawab kolektif** dalam menjayakan *festival* ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kepala Batas bukan sekadar sebuah lokasi di peta Seberang Perai Utara. Ia adalah **ruang sejarah, nadi komuniti dan tapak memori kolektif** masyarakat. Justeru, penganjuran **Kepala Batas Festival** ini adalah manifestasi usaha MBSP untuk **menghidupkan semula pekan ini** melalui pendekatan kesenian, kebudayaan dan warisan yang segar, inklusif dan dekat di hati rakyat.
5. *Festival* yang berlangsung pada **31 Januari dan 1 Februari 2026** ini, bermula jam **6.00 petang hingga 11.00 malam**, merupakan program komuniti berkonsepkan **street art performance** yang julung kali diadakan di pekan ini. Ia mencerminkan keberanian kita untuk keluar daripada kebiasaan, menyuntik nafas baharu kepada ruang awam dan menjadikan seni sebagai bahasa penyatuan masyarakat.
6. Lebih membanggakan, *festival* selama **dua (2) hari** ini menghimpunkan penggiat seni **tempatan dan antarabangsa**, sekali gus memperkukuhkan jaringan budaya serta mempromosikan Kepala Batas ke persada yang lebih luas. Inilah pendekatan pembangunan

bandar yang seimbang; **ekonomi bergerak, budaya terpelihara dan komuniti diperkasa.**

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pelbagai pengisian menarik telah dirangka bagi memastikan *festival* ini benar-benar menjadi milik semua lapisan masyarakat. Antaranya termasuk persembahan bertaraf antarabangsa seperti ***The Juggling Drummer*** oleh **GAKU** dari Jepun, persembahan **Tarian Singa dan Gendang, Tarian Joghee dan Joget, Fire Performance, Pencak Silat, Wayang Kulit, Dikir Barat**, serta pelbagai aktiviti komuniti seperti demonstrasi masakan tradisional, permainan tradisional, pertandingan mewarna kanak-kanak, bengkel rakyat dan Lorong Nostalgia.
8. Tidak ketinggalan, inisiatif seperti **pameran barangan upcycle, gelanggang sepak raga, ruang 360 darjah** dan **program Makan-Makan RM3** turut disediakan sebagai simbol keterangkuman, kreativiti dan keprihatinan terhadap kos sara hidup masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. MBSP melihat penganjuran Kepala Batas *Festival* ini sebagai sebahagian daripada strategi **pemangkin ekonomi setempat**, khususnya untuk peniaga kecil, pengusaha kreatif dan komuniti setempat. Apabila seni, budaya dan ekonomi digabungkan dalam satu

ekosistem, maka terhasillah sebuah bandar yang **hidup, berjiwa dan berdaya tahan**.

10. *Festival* ini juga selari dengan aspirasi **Penang2030** dan misi MBSP dalam membentuk bandaraya yang **berdaya huni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar**, di mana pembangunan fizikal berjalan seiring dengan pembangunan sosial dan kebudayaan.
11. Saya menaruh **harapan yang tinggi** agar Kepala Batas *Festival* ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi berkembang menjadi **platform ikonik** yang dinanti-nantikan, menjadi simbol kebangkitan seni komuniti dan pemangkin kepada pembangunan semula pekan Kepala Batas secara berterusan.
12. Saya juga menyeru agar **semua stakeholders dan seluruh komuniti Seberang Perai** hadir beramai-ramai, membawa keluarga dan sahabat handai, untuk bersama-sama memeriahkan *festival* ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan adalah sokongan paling bermakna kepada usaha memartabatkan seni, budaya dan warisan tempatan.
13. Sesungguhnya, apabila komuniti bersatu, seni diraikan dan warisan dipelihara, maka sebuah bandar bukan sahaja akan **membangun**, tetapi akan **terus hidup dalam ingatan dan jiwa rakyatnya**.
14. **Akhir kata**, dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Kepala Batas Festival**.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***